

06 JUN 1998

Agong-Keputeraan

41 TERIMA DARJAH KEBESARAN AGONG

KUALA LUMPUR, 6 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini mengurniakan darjah kebesaran, bintang dan pingat kepada 41 daripada 1,952 penerima sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda yang ke 76 di Istana Negara.

Mendahului senarai penerima ialah Korporal Md Nosruddin C.Yeob, anggota polis yang terkorban dalam rusuhan Kem Tahanan Semenyih pada Mac lepas, yang dianugerahkan darjah Seri Pahlawan Gagah Perkasa, penghormatan tertinggi negara untuk keberanian. Anugerah itu disampaikan kepada balunya Solhah Mat Sarin.

Allahyarham Md Nosruddin terkorban diserang oleh pendatang ketika beliau menyuruh rakan-rakan sepasukannya menyelamatkan diri ketika dia cuba melindungi mereka dengan bersenjatakan hanya sebilah rotan dan sebuah perisai.

Speaker Dewan Rakyat Tan Sri Zahir Ismail dianugerahkan Seri Setia Mahkota Malaysia yang membawa gelaran "Tun".

Seramai 16 daripada 21 penerima Panglima Setia Mahkota yang membawa gelaran "Tan Sri" menerima darjah itu hari ini. Antara mereka ialah anakanda baginda Tunku Dara Naquiah selain Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Norian Mai, pengerusi Kumpulan DRB-Hicom Datuk Wira Saleh Sulong dan veteran Umno Datuk Haji Abdul Aziz Tapa.

Anugerah lain yang disampaikan hari ini ialah darjah Panglima Jasa Negara (13), Panglima Setia DiRaja (1), Johan Mangku Negara (5) dan Johan Setia Mahkota (4).

Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah juga berangkat ke istiadat itu.

Turut hadir Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyampaikan ucapan tahniah dan ikrar taat setia dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketika bertitah, Seri Paduka menyeru rakyat memberi sokongan padu kepada segala usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara kerana usaha kerajaan sahaja tidak akan berjaya tanpa sokongan rakyat.

Sambil menyatakan rasa puas hatinya terhadap usaha yang dijalankan oleh kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melegakan masalah ekonomi, baginda bangga kerana kerajaan mengambil sikap tidak berputus asa dalam usaha untuk terus memajukan negara.

"Beta sedar bahawa kegawatan ekonomi yang dialami ini akan mengambil masa untuk pulih," titah baginda.

Seri Paduka mahu kerajaan terus peka terhadap nasib pekerja yang hilang mata pencarian dengan menyediakan latihan kecekapan kemahiran supaya pekerja yang produktif dapat mencari kerja lain.

Baginda bersyukur kerana walaupun terdapat banyak projek pembangunan terpaksa ditangguhkan tetapi kerajaan terus mengekalkan bantuan kepada golongan yang memerlukan seperti bantuan sosial, kesihatan, pembangunan rumah kos rendah dan sederhana serta pendidikan.

Seri Paduka bertitah bahawa banyak program bantuan disediakan oleh kerajaan untuk usahawan seperti perniagaan francais untuk Bumiputera dan mereka perlu mengambil peluang itu untuk mengembangkan industri kecil dan sederhana.

"Industri sebegini memang penting bagi melahirkan lebih ramai usahawan kelas menengah di samping membantu industri tempatan daripada bergantung kepada bekalan negara asing," titah baginda yang juga mahu usaha menarik pelabur asing dan memperkenalkan produk Malaysia ke pasaran antarabangsa

diteruskan.

Baginda juga mahu perpaduan rakyat berbilang kaum yang menjadi kebanggaan negara, tonggak keharmonian dan asas penting kemajuan yang dicapai dipertingkatkan manakala asas kekeluargaan berlandaskan agama dan adat resam Timur terus dipupuk dan disemai.

Duta Palestin ke Malaysia, Ahmad Al-Farra, yang berucap mewakili perwakilan asing, berkata beliau yakin Malaysia mampu mengatasi kegawatan ekonomi sekarang berdasarkan kepada dasar dan tindakan praktikal kerajaan Malaysia.

Katanya pengalaman Malaysia daripada segi pertumbuhan ekonomi dan pembangunan dalam tempoh satu dekad yang lepas menjadi teladan kepada negara-negara lain.

"Kami yakin Malaysia akan menggunakan sepenuhnya kemampuan dan sumber yang ada untuk menjayakan Wawasan 2020. Ini akan menyumbang kepada keamanan, keselamatan dan kestabilan bukan sahaja di rantau ini tetapi juga di seluruh dunia," kata Al-Farra.

Beliau memuji Malaysia kerana peranannya yang membina di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Pergerakan Negara Berkecuali, memupuk persaudaraan Islam dan kerajsama Selatan-Selatan serta dalam pasukan pengaman dunia.

-- BERNAMA

MNY NZ MAI